



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

GANGGUAN SEKSUAL BUKAN BAHAN JENAKA, KPWKM PERKASA MASYARAKAT MELALUI ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL

IPOH, 5 OKTOBER – YB Dato 'Sri Hajah Nancy Binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyempurnakan perasmian Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual yang berlangsung di Ipoh Perak yang merupakan negeri ke 11 selepas Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Kedah.

Program ini diadakan dengan objektif memberi pendedahan, pengetahuan dan menyebarkan pemakaian garis panduan serta notis antigangguan seksual kepada masyarakat. Gangguan seksual merupakan fenomena global yang semakin berleluasa di seluruh dunia termasuk Malaysia. Gangguan seksual boleh berlaku secara fizikal, lisan, visual atau isyarat oleh pelaku ke atas mangsa. Kelakuan ini memberi impak negatif kepada kesihatan mental, fizikal, psikososial mangsa dan sekali gus mencemar kesejahteraan masyarakat.

Selaras dengan kemajuan teknologi, gangguan seksual juga boleh berlaku di dalam talian menerusi media sosial. Mangsa digesa berani tampil membuat aduan kepada pihak berkuasa untuk tindakan tegas sekali gus membantu mangsa untuk mendapat keadilan dan perlindungan.

Statistik tahun 2022 menunjukkan negeri Perak mencatatkan kes gangguan seksual ketiga tertinggi di Malaysia selepas negeri Selangor dan Kuala Lumpur, sebanyak 36 kes gangguan seksual yang direkodkan iaitu 31 kes atau 86 peratus daripadanya melibatkan gangguan seksual terhadap kaum wanita. Kanak-kanak turut tidak terkecuali daripada gangguan seksual. Pada tahun 2022 sebanyak 35 kes gangguan seksual direkodkan di seluruh negara yang melibatkan mangsa kanak-kanak. Manakala bagi negeri Perak, sebanyak tiga (3) kes gangguan seksual yang melibatkan kanak-kanak direkodkan.

Antara pengisian program pada kali ini ialah Taklimat Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Taklimat Pengendalian Kes Kesalahan Seksual terhadap Wanita dan Kanak-Kanak oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), Taklimat Pengendalian Kes Gangguan Seksual di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) , Demo Pertahanan Diri oleh PDRM, agensi-agensi kerajaan dan swasta, Jualan Rahmah serta jualan produk tempatan yang diusahakan oleh kumpulan sasar KPWKM.

Turut hadir dalam program ini, YB Pn Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Perak, YBrs. Puan Farah Adura binti Hamidi, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), YBrs Dr. Wan Nur Ibtisam binti Wan Ismail, Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
5 OKTOBER 2023**